



## SIARAN MEDIA

### IMPIAN KINI JADI KENYATAAN: KPKT BERJAYA PULIHKAN KESEMUA 34 PROJEK SAKIT PR1MA, BERI MANFAAT KEPADA 22,925 PEMBELI RUMAH

---

**MELAKA, 2 April 2026** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) berjaya menyelesaikan sepenuhnya **34 projek sakit di bawah portfolio pembangunan yang memberi manfaat kepada 22,925 pembeli rumah**. Kejayaan ini hasil kerjasama erat antara Kerajaan Negeri Melaka, PR1MA serta semua pihak berkepentingan.

Pencapaian ini dimuktamadkan melalui **Majlis Penyerahan Kunci Residensi Klebang 2 dan Residensi Bukit Katil** yang disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming di Residensi Klebang 2, Melaka. Sebagai simbolik, seramai 20 pembeli telah menerima kunci kediaman masing-masing, sekali gus menamatkan penantian untuk mendiami rumah idaman yang berkualiti.

Sebelum ini, kedua-dua projek berdepan kelewatan pembinaan akibat pandemik COVID-19 yang menjejaskan rantai bekalan bahan binaan, meningkatkan kos pembinaan serta menyebabkan kekurangan tenaga kerja.

Residensi Klebang 2 dan Residensi Bukit Katil masing-masing merangkumi 800 dan 407 unit apartmen dilengkapi pelbagai kemudahan seperti kolam renang, dewan serbaguna, surau, taska, tadika serta kawasan rekreasi. Semua ini bertujuan menyokong pembentukan komuniti yang selesa dan sejahtera. Unit-unit kediaman ditawarkan pada harga bermula sekitar RM180,000 dan masih dibuka untuk jualan.

Menurut YB Nga Kor Ming, bagi mengelakkan isu projek sakit berulang, Kerajaan MADANI kini memberikan fokus kepada **Reformasi Perumahan MADANI** melalui transformasi menyeluruh sistem penyampaian projek. Usaha ini merangkumi

pengukuhan akauntabiliti dan ketelusan, selain penggunaan teknologi pembinaan moden serta digitalisasi bagi mengurangkan risiko kelewatan serta memastikan kualiti binaan yang lebih konsisten demi kepentingan rakyat.

Sehingga kini, **PR1MA telah membangunkan tujuh (7) projek perumahan di Melaka** melibatkan 4,514 unit kediaman. Pelaksanaan ini terus memperkukuh peranan PR1MA dalam menyokong agenda perumahan mampan serta memastikan rakyat berpeluang memiliki rumah yang selesa, berkualiti dan mampu milik.

Menurut Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh dalam ucapannya yang dibacakan YB Datuk Haji Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana, “Kejayaan pembangunan ini adalah hasil kerjasama kukuh antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam memastikan setiap projek dapat dilaksanakan dengan lancar”.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PR1MA, Ts. Brian Iskandar Zulkarim turut menegaskan bahawa penyiapan Residensi Bukit Katil menandakan tiada lagi projek sakit dalam portfolio PR1MA. Melangkah ke hadapan, PR1MA komited memastikan setiap projek dirancang dan dilaksanakan mengikut standard yang tinggi serta disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Sebagai langkah perlindungan tambahan kepada pembeli, Kerajaan akan melaksanakan audit ke atas Akaun Pemaju Perumahan (HDA) bagi memastikan dana digunakan secara telus dan mengelakkan penyelewengan. Selain itu, bakal pembeli kini boleh menyemak senarai hitam pemaju dengan lebih mudah melalui platform Teduh.

Melangkah ke hadapan, PR1MA merancang pembangunan lebih daripada 4,351 unit kediaman baharu di seluruh negara. Pembangunan ini akan memberikan penekanan kepada aspek yang lebih holistik, mampan serta memenuhi keperluan gaya hidup semasa, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat.

#MalaysiaMADANI  
#Kesejahteraan  
#StrongerTogether  
#DemiPertawi  
#UnityInDiversity  
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

